Jambangan Risalah

Maulay Al-Arabi Ad-Darqawi

رَسَائِلُ

مَوْلَايَ الْعَرَبِيِّ الدَّرْقَاوِيِّ

رضي الله عنهم وأرضاهم



Bahagian 1

Sekapur Sireh

الحَمدُ لِلّٰهِ رَبِّ العَالَمِينَ ❊ الحَمدُ لِلّٰهِ الَّذِي بِنِعمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِحَاتِ ❊ الحَمدُ لِلّٰهِ وَالشُّكرُ لِلّٰهِ وَالفَضلُ لِلّٰهِ وَالمَنُّ لِلّٰهِ ❊ اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ بِسَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ﷺ أَزَلًا وَأَبَدًا وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّمْ ❊

Sudah sekian lama hatiku terpaut kepada syeikh bagi sekalian masyaikh zamannya, wali yang *quthb, ghauts, fard* lagi *al-jāmi' al-kabīr* iaitu Saiyidina wa Maulana Al-Arabi Ad-Darqawi رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم. Sesungguhnya ALLAH telah mengurniai diriku suatu nikmat besar apabila aku beroleh peluang dan kemuliaan menziarahi makam Saiyidina Al-Arabi Ibn Saiyidina Ahmad Ad-

Darqawi رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم ; dalam kesempatan itu aku *ṣuḥbah* (berdamping) dan khidmat kepada Saiyidina Syeikh Al-Qutb Al-Ghauts Abu Bakar As-Siddiq Abdun Nasir رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم, dan turut hadir mengiringi beliau dalam ziarah itu sekumpulan muridnya dari pelbagai negeri.

Segala puji bagi ALLAH atas ziarah yang penuh keberkatan tersebut. Saiyidina Syeikh melimpahkan kasih sayangnya kepada kami dan membawa kami dalam naungan kebersamaan beliau. Sebagaimana yang diungkapkan oleh Saiyidina wa Maulana Abdus Salam Ibnu Masyisy :

لَا يَقِفُ عَلَى مَقَامِي شَقِيٌّ

"Tidaklah datang ke pusaraku seorang yang celaka",

Maka, bagaimana pula keadaan seseorang yang dikurniai kemuliaan menziarahi Saiyidina wa Maulana Nabi kita ﷺ, mengadap Baginda di penghadapan makamnya yang mulia setiap hari? Mustahil orang seperti itu menjadi celaka, atau terhalang daripada rahmat ALLAH, atau disempitkan rezekinya. Demikian jua Sidi wa Maulay Abdus Salam Ibnu Masyisy رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم pernah berkata :

مَن فَاتَهُ الحَجُّ الأَكبَرِ فِي مَكَّةَ المُكَرَّمَةِ لَا يَفُوتُهُ الحَجُّ الأَصغَرِ فِي زِيَارَتِي

"Sesiapa yang terlepas (tak dapat pergi) menunaikan haji besar di Makkah Al-Mukarramah, maka janganlah dia melepaskan haji kecil dengan menziarahiku".

Ungkapan yang sama turut diucapkan oleh anak beliau yang berbakti lagi khalifah agungnya iaitu Saiyidina Al-Imam Abul Hasan As-Syazili رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم.

Aku telah mendengar dari Sidi fulan bahawa dia pernah datang berziarah kepada Saiyidina Al-Arabi Ad-Darqawi رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم di Bani Zarwal, iaitu di perkampungan Bani Ahmad dan dua orang murid Saiyidina Syeikh turut bersamanya dalam penziarahan itu. Dia menceritakan :

> "Setibanya kami di makam Saiyidina Al-Arabi Ad-Darqawi, kami bertemu dengan cicit generasi kelimanya. Beliau mempersilakan kami menikmati makan malam dan menginap di situ. Beliau berkata :

“Esok, selepas *ifthār* (minum pagi), terserah kalian sama ada ingin duduk di sini atau mahu meneruskan perjalanan”. Lalu aku bertanya kepada Sidi Al-Muqaddam Al-Hajj As-Syarif Idris : “Wahai Sidi, adakah kami akan tidur di masjid (yang terletak kira-kira lima puluh meter dari makam) atau di makam?”. Beliau menjawab : “Kebiasaannya aku akan mempersilakan para penziarah untuk bermalam di masjid. Tetapi bagi kalian, silakanlah bermalam di bangunan makam”.

Malam itu amat dingin, namun beliau memuliakan kami dengan menyediakan selimut dan hamparan tidur, maka tidurlah kami pada malam itu. Setelah

menunaikan solat subuh, kami berbual seketika dan kemudian menghirup kopi. Menurut kebiasaan masyarakat Maghribi, istilah "minum pagi" (*ifthār*) merujuk kepada minum kopi (hidangan ringan) waktu pagi, manakala *futhūr* pula ialah hidangan tengah hari.

Selepas itu kami pun meneruskan perjalanan, lalu Sidi fulan menceritakan : "Malam tadi aku melihat suatu mimpi yang ajaib. Ketika kita sedang tidur di makam Saiyidina Syeikh Al-Arabi, aku bermimpi melihat ramai wali datang dalam rupa burung untuk menziarahi Saiyidina Al-Arabi Ad-Darqawi. Kemudian mereka turun timpa-menimpa untuk bersalaman

dengan Sidi fulan", semoga ALLAH meredai mereka semua dan mengurniakan manfaat kepada kita dengan keberkatan mereka di dunia dan Akhirat.

Aku juga pernah mendengar daripada Sidi fulan, yang merupakan salah seorang murid Saiyidina Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم dan semoga ALLAH mengurniakan manfaat kepada kita dengan keberkatan mereka dunia Akhirat, bahawa beliau pernah melihat suatu mimpi. Dalam mimpi itu Saiyidina Syeikh berkata kepadanya:

"Wahai anakku, di hari ini engkau akan masuk menganggotai Dewan Awliya', dan bersempena dengannya aku akan menghidangkan jamuan *futhūr* (makan tengah hari) selepasnya.

Kita akan menunggu sehingga Saiyidina Al-Arabi Ad-Darqawi tiba, lalu engkau akan memasuki Dewan Awliya' bersama beliau", رَضِيَ اللهُ عَنهُم وَأَرضَاهُم.

Sidi fulan kemudian memberi komentar : "Sebab itulah para wali berkata : Untuk masuk menganggotai dewan para wali, seorang calon memerlukan syeikhnya yang masih hidup bersamanya di zamannya (sebagai pembimbing), dan juga seorang lagi syeikh dari kalangan ahli *sanad* yang telah meninggal dunia". Semoga ALLAH meredai para junjungan kita *Ahlis Sanad wal Isnād* juga *Ahlil Is`ād wal Imdād*, dan semoga DIA mengkuduskan roh-roh mereka yang mulia.

ALLAH telah melimpahi kurnia kepada hamba-NYA Al-Arabi Ibn Ahmad As-Syarif Ad-Darqawi yang berasal dari Kabilah Zarwal -semoga ALLAH memelihara mereka dari segala bala- dengan memperkenalkan dia kepada seorang syeikh yang mulia lagi berketurunan syarif yang sejati, iaitu wali ALLAH Taala Abul Hasan Sidi Ali Ibn Sidi Abd. Rahman Al-Hasani Al-`Imrani pada tahun 1182 Hijrah. Pertemuan itu berlaku di kota Fes -semoga ALLAH memelihara kota ini daripada segala bencana-. Di kota itulah Tuan Syeikh wafat -semoga ALLAH merahmatinya- pada tahun 1193 Hijrah. Makam beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ terletak di kawasan Ar-Ramilah amat masyhur -semoga

ALLAH mengurniakan manfaat kepada kita dengan keberkatan beliau-.

Beliau berasal dari keluarga para syarif Bani `Imran, dari Kabilah Bani Hassan. Ayahandanya kemudian berpindah ke kota Fes dan wafat di sana - semoga ALLAH merahmatinya-. Ada juga yang mengatakan bahawa datuknyalah yang sebenarnya berpindah ke kota itu.

Syeikh-ku ini رَضِيَ اللهُ عَنهُ telah digelar orang dengan nama Al-Jamal (Sang Unta). Asal-usul gelarannya itu ialah kerana sedari kecil lagi beliau memang seorang yang gagah luar biasa. Pada suatu hari saat berjalan di kota Fes, beliau terlihat seekor anak unta sedang berbaring di tengah jalan. Beliau pun (dengan bersahaja) mengangkat haiwan itu dan mengalihnya ke tepi jalan (agar tak menghalang laluan).

Peristiwa ini telah disaksikan oleh beberapa orang yang kebetulan berada di situ. Salah seorang dari mereka mengujar : "Dia sesungguhnya al-jamal (sang unta gagah)". Sejak itu beliau pun masyhur dikalangan penduduk Fes dengan gelaran Al-Jamal. Itulah asal-usul mengapa beliau dikenali sebagai Sidi Ali Al-Jamal. Adapun nasab beliau, maka dirinya adalah seorang syarif berketurunan Saiyidina Hasan dari jalur keluarga Bani `Imran sebagaimana yang telah kami sebutkan. وَاللهُ وَرَسُولُهُ أَعلَم.

Beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ adalah kalangan syeikh tarekat yang paling agung رَضِيَ اللهُ عَنهُم. Beliau sentiasa berada dalam *sukr* (mabuk rohani) lagi sentiasa juga dalam *ṣaḥw* (kesedaran rohani) ; beliau menghimpunkan kedua-dua hal itu dalam dirinya serta memiliki kekuatan yang amat

besar dalam kedua-duanya. ALLAH jua yang menjadi saksi atas apa yang aku katakan ini.

Beliau juga tergolong dalam kalangan mereka yang mencapai *tajrid* (lepas dari segala kebergantungan selain kepada ALLAH) pada batin dan zahir, beliau seorang ahli tauhid khusus sebagaimana wali ALLAH Taala Abul Hasan As-Syusytari dan para tokoh besar yang seumpama dengannya -semoga ALLAH meredhoi mereka dan mengurniakan manfaat kepada kita dengan keberkatan mereka-. Tuhanku yang Maha Suci telah mengurniai diriku mahabbah terhadap beliau. Aku ber-*şuḥbah* dengannya selama dua tahun penuh. Selepas itu aku berpindah ke Kabilah Bani Zarwal tempat kediamanku ini dan di masa yang sama setiap tahun aku menziarahi beliau sekali,

dua kali, atau tiga kali dan boleh jadi lebih daripada itu. Pada setiap kunjungan aku akan mendampingi beliau untuk bermuzakarah selama suatu tempoh.

Tatkala aku mengambil wirid daripada beliau, iaitu : أَستَغفِرُ الله seratus kali, اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّد النَّبِيِّ الأُمِّيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلِّم تَسلِيمًا seratus kali, لَا إِلٰهَ إِلَّا الله seribu kali dan setiap genap seratus kali dibaca : سَيِّدُنَا مُحَمَّد رَسُولُ اللهِ ﷺ وَعَلَى آلِهِ. Semuanya diamalkan selepas solat subuh dan selepas solat maghrib. Setelah memberi wirid ini beliau berkata kepadaku : "Amalan ini kami terima melalui jalan ahli zahir, iaitu para junjungan An-Naşiriyyin رَضِيَ اللهُ عَنهُم أَجمَعِينَ".

Selepas itu beliau men-*talqin* kepadaku *Al-Ism Al-A'ẓam* iaitu : الله tanpa ditentukan bilangannya. Beliau berkata

kepadaku : “Inilah yang kami terima melalui jalan ahli batin, iaitu para junjungan daripada zuriat Ibn Abdillah yang warga Al-Makhfiyyah di kota Fes -semoga ALLAH memelihara kota ini daripada segala bala-“.

Setelah selesai menyampaikan semuanya itu, beliau berkata kepadaku : “Engkau boleh pergi sekarang dan sentiasalah datang kepadaku”. Sejak itu, setiap hari aku akan hadir menemui beliau. Beliau akan menyampaikan muzakarahnya kepadaku dan beberapa orang ikhwan dari warga Fes -semoga ALLAH menyelamatkan mereka daripada tiap kesusahan-.

Aku berterusan menerima muzakarah beliau sehinggalah kewafatannya. Semoga ALLAH Taala merahmati dan meredhoi

dirinya. Demi ALLAH, tazkirah (peringatan) beliau benar-benar memberi manfaat kepadaku. Dengannya aku mengenali siapakah manusia yang benar-benar hidup dengan zikir dan siapakah yang tetap dalam *ghaflah* (kelalaian). Tidak ada seorang pun yang dapat memperdayakan aku dengan ilmunya ataupun dengan banyak amalannya. Kerana dalam kalangan manusia ini ada orang yang ibadahnya banyak, namun dengan banyak ibadahnya dia masih lalai.

Ada pula golongan yang ibadahnya sedikit, ilmu mereka juga tidak banyak, namun mereka sentiasa zikir (ingat) kepada ALLAH. Mereka mengamalkan apa yang telah mereka ketahui, lantas ALLAH pun mewariskan kepada mereka ilmu yang belum mereka ketahui sebagaimana yang disebut dalam hadis.

Golongan seperti inilah yang lebih afdhal daripada selain mereka. Kerana yang menjadi tuntutan ialah berada dalam keadaan yang seperti mereka ini, bukan keadaan orang banyak ilmu namun tidak beramal dengan ilmunya.

Bilamana aku melihat fadhilat muzakarah, rahsianya dan kebaikan yang terkandung padanya, maka -demi ALLAH- jadilah aku sangat terpaut dengannya. Sejak itu aku pun melazimi muzakarah bersama mereka yang mengasihiku -semoga ALLAH menguatkan mereka dan mem-fana'-kan diri mereka di dalamnya daripada selain-NYA, kerana sesungguhnya seseorang takkan mencapai kekuatan dalam sesuatu perkara melainkan setelah dia *fanā'* di dalamnya, sebagaimana yang dikatakan oleh Imam para pencinta lagi wali ALLAH

Taala Sidi Abu Hafs Umar Ibnul Faridh رَضِيَ اللهُ عَنهُ dalam *Tā'iyyah*-nya :

فَلَم تَـهوِنِي مَا لَم تَكُن فِيَّ فَانِيَا
وَلَم تَفنَ مَا لَم تَجتَلِي فِيكَ صُورَتِي

"Belumlah engkau mencintaiku,
selama kau belum fana padaku.
Belumlah engkau fana padaku,
selama gambarku masih belum kau lihat
dalam hatimu".

Namun kata-kata ini tidaklah terbit dari nafsu diri beliau ; sesungguhnya beliau menuturkan itu demi Tuhannya. Adapun dirinya sendiri -demi ALLAH- telah pergi bersama mereka yang telah pergi, dan telah beroleh kejayaan bersama mereka yang berjaya. Dan laknat ALLAH ke atas mereka yang berdusta.

Sesungguhnya kaum sufi رَضِيَ اللهُ عَنهُ telah membicarakan maqam *fanā'* dan banyaklah pendapat mereka mengenainya. Adapun menurut kami, perkataan paling mendalam mengenainya -dan ALLAH serta Rasul-NYA jua yang lebih mengetahui- ialah perkataan wali ALLAH Taala Abu Sa`id Ibn Al-A'rābi رَضِيَ اللهُ عَنهُ apabila ditanya soal *fanā'*. Jawab beliau :

الفَنَاءُ أَن تَبدُو العَظَمَةُ وَالإِجلَالُ عَلَى العَبدِ فَتُنسِيهِ الدُّنيَا وَالآخِرَةَ وَالأَحوَالَ وَالدَّرَجَاتِ وَالمَقَامَاتِ وَالأَذكَارَ ❊ تُفنِيهِ عَن كُلِّ شَيءٍ وَعَن عَقلِهِ وَعَن نَفسِهِ ❊ وَتُفنِيهِ عَنِ الأَشيَاءِ وَعَن فَنَائِهِ عَنِ الفَنَاءِ ❊ لِأَنَّهُ يَغرِقُ فِي بِحَارِ التَّعظِيمِ ❊

"Fanā' ialah apabila kebesaran dan keagungan ALLAH tersingkap kepada seorang hamba, lantas membuat dia melupakan dunia dan Akhirat, lupa segala ahwāl, lupa segala darjat dan maqam, lupa segala zikirnya.

Fanā' menjadikan dirinya lenyap dari segala sesuatu, lenyap dari akalnya dan dari dirinya sendiri. Fanā' melenyapkannya daripada segala sesuatu, bahkan melenyapkan fanā'-nya dari fanā' itu sendiri. Kerana dia karam dalam lautan takzim".

Dan perkataan wali ALLAH Taala Sidi Abul Mawahib At-Tunisi رَضِيَ اللهُ عَنهُ :

الفَنَاءُ مَحوٌ وَاضمِحلَالٌ وَذِهَابٌ عَنكَ وَزَوَالٌ

"Fanā' ialah keterhapusan dan kelenyapan (rohani) ; iaitu hilangnya dan berakhirnya ia daripadamu". Dan masih banyak lagi ungkapan selain daripada ini.

Dan tidaklah seorang hamba itu akan masuk mengadap ALLAH melainkan melalui salah satu daripada dua pintu : Pertama pintu *fanā'* yang terbesar iaitu kematian secara tabi'i, atau kedua melalui

pintu *fanā'* yang dimaksudkan oleh ahli jalan ini -iaitu jalan As-Syaziliyyah yang diredhoi ALLAH- sebagaimana yang dikatakan oleh wali ALLAH Taala Sidi Abul Abbas Al-Mursi رَضِيَ اللهُ عَنهُ :

قُلتُ : اللّٰهُمَّ افتَح بَصَائِرَنَا وَنَوِّر سَرَائِرَنَا ❊ وَأَفنِنَا عَنَّا ❊ وَأَبقِنَا بِكَ لَا بِنَا ❊

"Aku berkata : ALLAHumma bukakanlah pandangan hati kami, terangilah rahsia batin kami, fanā'-kanlah kami daripada diri kami, dan kekalkanlah kami dengan-MU, bukan dengan diri kami".

إِذَا كُنَّا بِهِ تِهنَا دَلَالًا
عَلَى سَائِرِ الحَرَائِرِ وَالعَبِيدِ
وَإِن نَحنُ عُدنَا إِلَى أَنفُسنَا
يُعَطِّلُ ذُلَّنَا ذُلَّ اليَهُودِ

"Pabila kami bersama-NYA ; kami berjalan dengan penuh gembira, wibawa dan manja, jauh lebih gembira dari sekalian wanita merdeka dan para hamba.
Namun jika kami kembali kepada nafsu diri kami ini ; hina dinalah kami lebih dari hinanya Yahudi".

Dan dalam *Al-Ḥikam Al-'Aṭā'iyyah* disebutkan :

لَا نِهَايَةَ لِمَذَامِّكَ إِن أَرجَعَكَ إِلَيكَ ❊ وَلَا تَفرُغ مَدَائِحُكَ إِن أَظهَرَ جُودَهُ عَلَيكَ ❊

"Tiada akhir bagi celaan keatasmu jika DIA mengembalikanmu kepada dirimu sendiri, dan tiada penghujung bagi pujian-pujian keatas dirimu jika DIA menzahirkan budi-NYA keatasmu".

Pada waktu itu, guruku yang telah disebutkan tadi memerintahkan daku supaya mencatat segala makna yang datang kepadaku. Beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata kepadaku :

"Setiap kali datangnya kepadamu suatu makna maka segeralah engkau mencatatnya agar ia tak terlepas darimu. Sesungguhnya pada awal kedatangannya ; ia datang kepadamu bagai sebesar gunung. Jika engkau segera mencatatnya ertinya engkau telah menangkapnya persis sebagaimana ia datang kepadamu. Namun jika engkau berlengah, ia akan kembali kepadamu sebesar seekor unta. jika engkau masih berlengah lagi ia akan menjadi seperti burung pipit liar, dan jika engkau terus

berlengah lagi ia akan pergi meninggalkanmu.

Maka pastilah ia perlu diikat dengan sesuatu yang dapat dipegang oleh pancaindera agar ia kekal bersamamu. Maka ia ibarat seekor kambing ; jika engkau mengikatnya dengan tali, ia akan tetap bersamamu. Jika tidak, ia akan pergi.

Apabila ia tetap bersamamu, akan datang pula makna yang lain, kemudian datang lagi yang lain, dan begitulah seterusnya. Dengan cara inilah perjalananmu dan perjalanan orang lain akan berlaku. Jika tidak, maka tidaklah demikian. Perumpamaannya seperti orang berenang yang mendayung air silih

berganti dengan tangan kanan dan kirinya ; maka dia akan terus berenang tak berhenti. Berbeza dengan orang yang tidak mendayung air dan tak bergerak, maka tidaklah dia berenang".

Demikianlah apa yang dikatakan oleh beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ.

Aku pun mencatat muzakarah yang datang kepadaku, tetapi bukan pada setiap masa ; hanya pada sebahagian waktu sahaja. Sekiranya aku mencatatnya secara berterusan nescaya akan banyaklah yang terkumpul darinya. Namun tidaklah kami suka memperbanyakkan kata-kata, kerana membanyakkan bicara itu adalah daripada sedikitnya faedah di sisi manusia. Sedikit muzakarah sudah mencukupi apabila hadirnya niat dan bersungguh-sungguh

memberi perhatian. Jika tidak demikian, maka tidaklah ia bermanfaat.

Maka inilah aku ingin menghimpunkan -sebatas apa yang ALLAH kehendaki- daripada perkara-perkara yang telah aku catat itu, agar para ahli mahabbahku beroleh manfaat daripadanya semasa hidupku dan selepas kewafatanku, Insya ALLAH. Yang mendorongku untuk melakukannya juga ialah kerana pengumpulannya mempunyai keberkatan dan fadhilat. Sesungguhnya pada penghimpunan itu terdapat keberkatan dan keutamaan. Semoga dengan terhimpunnya catatan-catatan itu jalan kami menjadi terang lagi dikenali oleh para pencinta kami serta mereka yang ingin mengikuti jalan kami.

Barangkali dalam kalangan manusia ada yang akan merasa gembira apabila menemui tulisan ini ; menggembirakan hati orang beriman membuahkan pahala yang besar. Barangkali juga para ulama yang mengingkari jalan yang kami tempuh ini akan menemukan di dalam catatan-catatan kami permata ilmu yang berharga apabila ia sampai ke tangan mereka. Lalu dengan itu mereka akan berpindah daripada keadaan mengingkari kepada keadaan menerima, dan daripada keadaan ghaflah kepada keadaan zikir. Maka ia menjadi sebab mereka beroleh rahmat kasih sayang ; dan mereka yang mengasihi akan dikasihi oleh ALLAH. Semoga risalah-risalah ini -Insya ALLAH- tidak sunyi dari berbagai permata ilmu dengan keberkatan para ahli tarekat رَضِيَ اللهُ عَنهُم.

Aku pernah melihat suatu mimpi saat berada di kota lama Fes -semoga ALLAH memakmurkan kota ini- di abad kedua belas. Dalam mimpi itu ada kalangan raja رَضِيَ اللهُ عَنهُم telah memberi kepadaku selembar kertas. Aku membukanya dan ternyata di dalamnya terdapat beberapa permata. Raja yang aku lihat itu ialah penguasa bagi rakyat Maghribi kita dan penghulu bagi selain mereka, iaitu Maulana Idris Ibnu Maulana Idris Ibnu Maulana Abdullah Al-Kamil Ibnu Maulana Al-Hasan al-Mutsanna Ibnu Maulana Al-Hasan As-Sibth Ibnu Al-Imam Al-Akbar lagi pemilik rahsia yang nyata nan masyhur Maulana Ali Ibnu Abi Tholib كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ. Ketika itu aku sering menziarahi beliau dalam urusan ilmu. Setelah aku mentakwilkan mimpi tersebut, zahirlah kepadaku bahawa raja yang aku

lihat itu adalah ALLAH عَزَّ وَجَلَّ, sedangkan permata-permata tersebut ialah permata-permata ilmu. وَاللهُ وَرَسُولُهُ أَعلَم.

Pada malam sebelum hari aku bertemu dengan Syeikh-ku lalu mengambil wirid dan beliau men-*talqin* kepadaku *Ismul Jalālah* الله ; aku bermimpi melihat Al-Imam yang tersebut tadi iaitu Maulana Ali كَرَّمَ اللهُ وَجهَهُ berada di makam Maulana Idris Al-Asghar رَضِيَ اللهُ عَنهُ. Aku memegang tangan beliau yang mulia dan berjalan bersamanya menuju ke Madrasah Al-Mişbahiyyah dengan tujuan untuk menjamu beliau di sana. Namun ketika aku sampai di Pasar As-Syamma`in aku terjaga daripada tidur. Aku pun menceritakan mimpi itu kepada Syeikh-ku. Beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata kepadaku : "Bergembiralah dengan kebaikan yang besar.

Sesungguhnya engkau dari kalangan ahli tasawuf رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُم".

Aku berkata : Hal ini kerana Al-Imam Ali كَرَّمَ اللّٰهُ وَجهَهُ ialah imam bagi mereka رَضِيَ اللّٰهُ عَنهُ وَعَنهُم. Beliau ialah tokoh terbesar antara mereka dan beliau كَرَّمَ اللّٰهُ وَجهَهُ ialah paksi mereka.

Di satu hari pernah aku ditimpa keadaan *qabḍ* (kesempitan dan tekanan rohani) yang amat berat hingga hampir-hampir ia mencabut Islam daripadaku. Adapun maqam *khususiah* (keistimewaan) yang dikurniai kepada para Ahlillah ; (saat itu) DIA telah mencabutnya daripadaku dan menjauhkan aku daripadanya. ALLAH jua yang menjadi saksi atas apa yang aku katakana ini. Lalu terdesaklah aku kembali kepada Tuhanku. Kemudian

aku pergi ke makam wali ALLAH yang masyhur Sidi Abis Syitā' Al-Khammar نَفَعَ اللهُ بِهِ. Maka bermalam-lah aku di sisinya sambil membaca Kitab ALLAH عَزَّ وَجَلَّ, namun aku membacanya tanpa hati, hanya dengan lidah semata-mata. Adapun hatiku, maka (saat itu) aku tidak memiliki daripadanya melainkan namanya sahaja. Aku pun mengkhatamkan Al-Quran dari awal hingga akhirnya dan bermohon kepada ALLAH Taala dengan sepenuh kebergantungan dan sebesar-besar kefakiran agar DIA menyembuhkanku daripada keadaan yang menimpaku.

Aku tertidur setelah selesai daripada itu. Maka bermimpilah aku melihat diriku membaca Surah Al-Qaşaş bersama seorang lelaki buta huruf yang tak diketahui siapa Namanya. Aku membacanya dari *lauh*

(papan tulis) dengan bacaan yang sangat baik dan suara yang keras. Apabila terjaga dari tidurku dan masih berada di makam, aku pun melihat kepada Ibnu Manżur (kitab tafsir mimpi). Aku mendapati di dalamnya sesuatu yang menggembirakan ; beliau رَضِيَ اللهُ عَنهُ menukilkan dari Al-Kirmani رَضِيَ اللهُ عَنهُ : *"Membaca Surah Al-Qaşaş dalam mimpi adalah isyarat untuk mendapat ilmu dan kefahaman, serta benar dalam urusan manusia"*. Kemudian perkara itu benar-benar terjadi kepadaku dengan kurnia ALLAH. Syukurlah kepada ALLAH.

Muzakarah-muzakarahku ini adalah banyak. Ia bukanlah aku tujukan hanya kepada seorang daripada ahli mahabbahku sahaja. Kadangkala sebuah muzakarah itu aku sampaikan untuk seorang daripada mereka, kadangkala untuk lebih daripada

seorang, dan kadangkala untuk mereka semua رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَعَنهُم. Dan tidaklah aku menghimpunkan ia melainkan setelah tersingkap kepadaku kelebihan, rahsia, kebaikan dan keistimewaannya. ALLAH jua yang menjadi saksi atas apa yang aku katakan.

Tidak sepatutnya bagi orang yang berakal mengarangkan sesuatu melainkan apa yang dapat diterima oleh akal manusia. Adapun yang tidak demikian, maka janganlah dia melakukannya. Kerana Saiyidina RasuluLLAH ﷺ bersabda :

حَدِّثِ النَّاسَ بِمَا يَفهَمُونَ

"Berbicaralah kepada manusia akan sesuatu yang mereka fahami".

Begitu juga tidak sayogia baginya mengarang sesuatu melainkan setelah perkara itu tidak lagi dipertikaikan oleh musuh dalam dirinya sendiri, agar dia tidak dipertikaikan pula oleh musuh daripada kalangan manusia. Kerana sesuatu yang telah diterima oleh *khoşīm an-nafs* (musuh dalam diri) sendiri pasti akan diterima juga oleh *khoşīm al-jins* (musuh daripada kalangan manusia). Jika tidak, maka tidaklah demikian.

Tidak diragukan bahawa para tokoh besar seperti Sidi Al-Junaid, Sidi Al-Ghazali, Sidi As-Syazili, Sidi Al-Hatimi dan yang seumpama mereka رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَعَنهُم telah dibantah perkataan mereka oleh orang yang belum sampai kepada maqam mereka. Ucapan mereka tidak difahami kecuali oleh orang yang telah mencapai pemahaman terhadap ucapan mereka. Dan

tidaklah menerima mereka melainkan orang yang benar-benar daripada kalangan mereka. Adapun yang selain daripada itu, takkan mampu memahami mereka, bahkan mencela mereka dengan perkara-perkara yang buruk seperti kejahilan, kefasikan, kebodohan, zindik dan kekufuran -semoga ALLAH melindungi kita daripada terjatuh ke dalam perkara demikian-. Sesungguhnya tidak akan terjatuh ke dalamnya melainkan orang yang telah buta mata hatinya dan gelap zulmat batinnya. وَالعِيَاذُ بِاللهِ.

Risalah Pertama

Gesaan melaksanakan amalan fardhu dan yang sunat muakkad

1 - Sesungguhnya sukalah aku bagi siapa yang menghubungkan dirinya kepadaku agar dia menunaikan amalan yang difardukan dan apa yang sunat mu`akkad. Dan hendaklah dia sentiasa menjaga kebersihan tubuh badannya daripada segala kotoran, apatah lagi daripada najis, demikian juga membersihkan bulu pada bahagian sulit dan bulu ketiaknya, memotong kuku tangan dan kakinya, menjaga kebersihan pakaiannya dan tempatnya.

Hendaklah dia meninggalkan perkara-perkara yang tidak bermanfaat baginya, hendaklah dia melawaskan buang air kecil dan perkara ini hendaklah dia berhati-hati sehingga dirinya benar-benar

yakin, atau kami katakan bahawa hatinya merasa tenang bahawa air kencingnya telah benar-benar berhenti. Dan hendaklah dia berhenti daripada mengikuti perkara-perkara yang semata-mata bersandar kepada pancaindera, serta daripada segala kebiasaan dan selera hawa nafsu. Janganlah dia menganggap perkara itu mustahil dapat dilakukan, sesungguhnya yang patut ialah dia merasa hairan terhadapnya (hairan mengapa dirinya tak dapat meninggalkan kebiasaan hawa nafsu, bukannya merasa mustahil dapat meninggalkannya).

وَالنَّفسُ كَالطِفلُ إِن تَهمِلهُ شَبَّ عَلَى
حُبِّ الرَّضَاعِ وَإِن تَفطِمهُ يَنفَطِمِ

"Nafsu itu bagai anak kecil
yang suka menyusu ;
jika engkau membiarkannya

dia akan tetap menyusu
dan jika engkau menceraikan susunya
nescaya dia kan berhenti sendiri"

demikianlah sebagaimana yang dikatakan oleh wali ALLAH Taala Sidi Al-Busiri رَضِيَ اللهُ عَنهُ dalam *Burdah*-nya, dan sebagaimana yang dikatakan juga oleh syeikh yang mulia lagi wali ALLAH Taala Sidi Ibn `Atho'illah رَضِيَ اللهُ عَنهُ dalam *Hikam*-nya :

مَنِ استَغرَبَ أَن يُنقِذَهُ اللهُ مِن شَهوَتِهِ ❊ وَأَن يُخرِجَهُ مِن وُجُودِ غَفلَتِهِ ❊ فَقَدِ استَعجَزَ القُدرَةَ الإِلَهِيَّةِ ❊ وَكَانَ اللهُ عَلَى كُلِّ شَيءٍ مُقتَدِرًا ❊

"Sesiapa yang merasa aneh ; mungkinkah ALLAH dapat menyelamatkan dia daripada nafsu syahwatnya dan mengeluarkan dia dari wujud ghaflahnya, maka sesungguhnya dia telah menganggap kudrat Ilahi itu lemah.

Sedangkan ALLAH Maha Berkuasa atas segala sesuatu".

Demi ALLAH, kami melihat bahawa menunaikan amalan-amalan wajib berserta apa yang telah kami nyatakan tadi sudah cukup baginya, bahkan ia memberikan kecukupan yang besar baginya. Adapun amalan yang banyak dengan tidak disertai apa yang kami sebutkan tadi ; ia tidak mencukupi baginya. Walaupun demikian, kami hanya mencintai orang yang menunaikan segala kewajiban dan melakukan amalan-amalan sunat. Semoga ALLAH mengurniai taufik. وَالسَّلَامُ.

Risalah Kedua

Anjuran mempelajari ilmu zahir, beramal dengan segala kewajiban, sunat-sunat mu`akkad dan hakikat Tasawuf

2 - Jika engkau ingin agar jalan ini dilipatkan bagimu dan engkau beroleh *tahqiq* dalam satu saat, maka hendaklah engkau menunaikan segala kewajipan dan mengamalkan perkara-perkara sunat yang mu`akkad. Dan pelajarilah ilmu-ilmu zahir yang mesti engkau ketahui, kerana sesungguhnya Tuhan kita tidak diibadati melainkan dengannya. Dan janganlah engkau menjadikan ilmu zahir itu sebagai tempat mencari keuntungan, kerana keuntungan bukanlah dicari pada zahir ; sesungguhnya keuntungan itu dicari pada batin. Dan hendaklah engkau menyalahi hawa nafsumu nescaya engkau akan melihat keajaiban.

Akhlak yang mulia itulah tasawuf menurut kaum Sufi, dan itulah agama menurut ahli agama. Semoga laknat ALLAH ke atas mereka yang mendustakan (hakikat ini). Hendaklah engkau juga sentiasa melarikan diri daripada perkara-perkara yang bersifat *hissi* (gelumang material) kerana ia berlawanan dengan *ma`āni* (maknawi/makna-makna batin). Bahawa dua perkara yang berlawanan takkan dapat duduk bersama.

Maka semakin engkau kuat pada sisi *hissi*, engkau akan menjadi lemah pada sisi *ma`āni*. Semakin engkau kuat pada sisi *ma`āni*, engkau akan menjadi lemah pada sisi *hissi*. Dan dengarkanlah apa yang berlaku kepada guru kami iaitu Sidi Ali Al-Jamal رَضِيَ اللهُ عَنهُ pada permulaan perjalanannya ; beliau telah menggembur tanah sebagai tapak semaian tiga *mudd*

(raup) bijirin gandum lalu mengkhabarkan perkara itu kepada gurunya Sidi Al-Arabi Bin Abdullah. Maka Tuan Guru berkata kepadanya : "Jika engkau menambah pada sisi *hissi* ertinya engkau akan berkurang pada sisi *ma`āni*, dan jika engkau mengurangkannya ertinya engkau akan bertambah pada sisi *ma`āni*".

Perkara ini jelas. Kerana manusia, setelah engkau menghidu keadaan mereka dalam tempoh yang panjang, engkau tidak akan mencium pada mereka aroma *ma`āni*. Sesungguhnya yang engkau cium hanyalah bau peluh. Hal itu adalah kerana *hissi* telah menguasai mereka, lalu ia menduduki hati mereka, menduduki anggota mereka dan segala manfaat mereka sehingga tiada lagi yang menjadi bicara mereka melainkan *hissi*, tiada lagi yang mereka kerjakan melainkan ia, tiada

urusan mereka melainkan dengannya dan mereka sama sekali tidak mampu berpisah daripadanya. Walhal telah ramai manusia yang dapat meninggalkannya lalu mereka tenggelam dalam *ma`āni* kerana mereka meninggalkan *hissi* sepanjang umur mereka -semoga ALLAH meredai mereka dan memberikan manfaat kepada kita dengan keberkatan mereka, amin, amin, amin-.

Adapun *ma`āni* ; seakan-akan (bagi mereka yang tenggelam dalam *hissi*) ALLAH Taala tidak menjadikannya untuk mereka. Sedangkan setiap seorang daripada mereka itu mempunyai *ma`āni* bagai laut dengan ombaknya. Kalaulah mereka mengetahui hakikatnya, nescaya mereka tidak akan menyibukkan diri dengan perkara-perkara *hissi* sehingga melupakan *ma`āni*. Begitu juga kalaulah

mereka mengetahuinya nescaya mereka akan mendapati bahawa diri mereka berada di dalam *ma`āni* bagai lautan yang tak bertepi. ALLAH jua yang menjadi saksi atas apa yang kami katakan.

Risalah Ketiga

Hakikat zikir, dorongan untuk melakukannya dan gesaan untuk menyeru kepada ALLAH

3 - Sesungguhnya zikir adalah rukun yang paling agung dalam jalan menuju ALLAH, lagi ia adalah tiang utamanya sebagaimana yang telah engkau ketahui. Maka hendaklah engkau berpegang dengannya sebagaimana yang telah diperintahkan kepadamu -dan semoga ALLAH menguatkanmu-. Dan sukalah kami bahawa dirimu -semoga ALLAH mencintaimu- sentiasa mengingatkan hamba-hamba ALLAH kepada ALLAH, kemudian kepada sunnah Saiyidina

RasuluLLAH ﷺ. Dan hendaklah engkau sentiasa memperingatkan mereka agar menjauhi kekufuran. Sentiasalah mengingatkan mereka untuk tawadhuk. Jadikanlah mereka zuhud terhadap dunia, suruhlah mereka agar merasa cukup daripadanya dengan apa yang ada pada mereka mereka sebagaimana yang telah diperintahkan oleh ALLAH.

Ketahuilah -semoga ALLAH merahmatimu- bahawa faedah pertama yang aku perolehi dari guruku رَضِيَ اللهُ عَنهُ ialah ketika beliau menyuruhku membawa dua bakul yang penuh dengan sayuran musim panas. Aku meletakkannya pada kedua tanganku dan tidak memikulnya di belakang bahuku seperti rakan-rakanku yang lain. Walaupun demikian, ia terasa amat berat ke atas nafsuku dan sangat sukar bagi diriku sehingga dadaku jadi

amat sempit kerananya. Jiwaku goncang, ketakutan dan diliputi kesedihan yang amat sangat. Sumpah demi ALLAH, aku hampir menangis kerananya. Sesungguhnya aku telah menangis kerana rasa hina dan rendah diri disebabkan perkara itu, kerana nafsuku tidak menerima hal itu dan sesuatu yang seumpamanya. Nafsuku sama sekali tak mahu menundukkan kepala untuk itu.

Saat itu aku tidak menyedari kesombongan, keangkuhan, keburukan dan keras kepalanya nafsuku, aku bahkan tidak tahu apakah nafsuku itu sombong ataupun tidak. Bahkan tiada seorang faqih pun daripada semua yang pernah aku berguru kepadanya yang dapat memahamkan aku akan ehwal nafsuku ini. Sedangkan aku telah belajar daripada ramai orang.

Ketika kami berada dalam kebingungan dan ujian ini, tiba-tiba Syeikh-ku -yang beliau itu dari kalangan ahli kasyaf besar dan memiliki *sirr* yang nyata lagi masyhur- dikasyafkan baginya hakikat kesombonganku, kebingungan dan deritaku menanggung ujian itu. Beliau pun datang lantas mengambil dua bakul itu daripada tanganku. Kemudian beliau meletakkannya di atas belakangku sebagaimana yang dilakukan oleh rakan-rakanku yang lain dan mereka itu lebih bagus paras wajah dan lebih baik keadaan daripadaku ; namun mereka tak memperdulikan nafsu diri mereka, mereka tidak menyombongkan diri, tidak berlaku angkuh dan tidak bersikap buruk.

Ketika beliau meletakkan dua bakul itu di belakangku, beliau berkata kepadaku : “Beginilah kayu ukur kebaikan, supaya

engkau dapat mengurangkan sedikit daripada kesombongan". Maka di saat itu terbukalah bagiku "pintu" dan darinya aku mendapat petunjuk kepada kebenaran. Yakni aku dapat mengenali siapa orang sombong dan siapa orang tawadhuk, siapa orang bersungguh-sungguh dan siapa yang bermain-main, siapa ahli ilmu dan siapa orang jahil, siapa ahli sunnah dan siapa ahli bid`ah, siapa orang berilmu dan dan beramal serta siapa yang berilmu tetapi tidak beramal dengannya. Selepas itu, tidak ada lagi seorang pengamal sunnah yang dapat memperdayakanku dengan sunnahnya, tidak juga ahli bid`ah dengan bid'ahnya, tidak juga ahli ilmu dengan ilmunya, tidak juga ahli ibadah dengan ibadahnya, atau seorang zuhud dengan kezuhudannya. Kerana sesungguhnya Syeikh رَضِيَ اللهُ عَنهُ telah mengenalkanku kepada kebenaran

daripada kebatilan, dan kesungguhan daripada permainan. Semoga ALLAH membalas kebaikan kepada beliau daripadaku dan memeliharanya daripada segala keburukan.

Kami juga suka Sidi Ahmad Bin `Ajibah menggesa para hamba ALLAH supaya berlaku *şidq* (jujur/benar) dalam perkataan dan perbuatan mereka. Dan hendaklah beliau menggesa mereka supaya bersifat warak. Kerana dengan *şidq* dan warak akan mudahlah jalan bagi mereka, dan dengan keduanya mereka akan beroleh *tahqīq*. ALLAH jua yang menjadi saksi atas apa yang kami katakana ini. وَالسَّلَامُ.

Risalah Keempat

Jalan menuju pembebasan daripada perhambaan kepada selain ALLAH

4 - Ketahuilah -semoga ALLAH merahmati kalian- bahawa seorang faqir apabila dia menggantikan zikir kepada segala sesuatu dengan zikir kepada ALLAH, maka pengabdiannya akan menjadi murni hanya untuk ALLAH. Dan barangsiapa yang pengabdiannya telah murni untuk ALLAH maka dia ialah Wali ALLAH. Dan sesiapa yang mendustakan (hakikat ini) maka ke atasnya laknat ALLAH.

Maka janganlah kalian zikir melainkan ALLAH, dan janganlah kalian memperuntukkan diri melainkan kepada ALLAH. Kerana sesiapa yang dirinya untuk ALLAH, maka ALLAH adalah untuknya. Dan alangkah beruntungnya

hamba yang dirinya untuk ALLAH dan ALLAH adalah untuknya.

Cukuplah untuk mendorongmu kepada zikir mengingati ALLAH itu firman-NYA :

﴿فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ﴾

"Maka zikirlah kepada-KU nescaya AKU zikir mengingati kalian",

dan sabda Baginda ﷺ yang meriwayatkan dari Tuhannya عَزَّ وَجَلَّ :

أَنَا جَلِيسُ مَن ذَكَرَنِي

"AKU adalah teman duduk bagi sesiapa yang berzikir mengingati-KU".

Guruku رَضِيَ اللهُ عَنهُ pernah berkata kepadaku : "Kami suka apa yang kami

dengar tentang dirimu". Begitulah juga Al-Arabi Ad-Darqawi menyukai apa yang didengarnya tentang kalian ; iaitu perkara-perkara yang mematikan nafsu kalian dan menghidupkan hati kalian. Bukan sebaliknya. Kerana sesungguhnya yang sibuk dengan perkara yang menghidupkan nafsu dan mematikan hati hanyalah orang lalai dan jahil, yang telah dibutakan pandangan batinnya dan digelapkan rahsia hatinya. Kerana seorang insan itu tidak mempunyai melainkan satu hati sahaja. Maka setiap kali dia menghadap kepada satu arah, dia akan berpaling daripada arah yang lain. Sebagaimana firman ALLAH Taala:

﴿مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ﴾

"ALLAH tidak menjadikan bagi seseorang itu ada dua hati di dalam dadanya".

Dan Syeikh yang mulia Sidi Ibn `Athoillah رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata :

إِقبَالُكَ عَلَى الحَقِّ إِدبَارُكَ عَنِ الخلَقِ ❊ إِقبَالُكَ عَلَى الخلَقِ إِدبَارُكَ عَنِ الحَقِّ ❊

"Menghadapmu kepada Al-Haqq ialah berpalingmu daripada makhluk, dan menghadapmu kepada makhluk ialah berpalingmu daripada Al-Haqq".

Seorang dari kalangan ikhwan رَضِيَ اللهُ عَنهُم berkata kepadaku : "Aku tak bernilai apa-apa". Maka aku berkata kepadanya : "Jangan engkau katakan : Aku tak bernilai apa-apa. Dan jangan engkau katakan : Aku bernilai sesuatu. Dan jangan engkau katakan : Sesuatu telah dikhususkan untukku. Dan jangan engkau katakan : Aku tidak dikhususkan dengan sesuatu. Namun katakanlah : ALLAH. Nescaya

engkau akan melihat sesuatu yang menakjubkan".

Dan seorang yang lain berkata kepadaku : "Apakah ubat bagi nafsu?" Maka aku berkata : "Lupakanlah ia dan jangan engkau mengingatinya sama sekali. Kerana sesungguhnya tidaklah zikir mengingati Tuhannya melainkan orang yang telah melupakan nafsu dirinya".

Dan janganlah kalian membayangkan dalam akal bahawa alam ini yang menyebabkan kita melupakan Tuhan kita. Yang sebenarnya diri kita sendirilah yang menjadi sebab kita terhijab daripada Tuhan kita. Tidaklah yang menghijabkan kita daripada Tuhan kita melainkan perhatian kita yang terhenti pada alam kewujudan serta keterikatan kita dengannya bersama segala selera hawa nafsu. Adapun jika kita

melupakan “kewujudan diri” kita sendiri nescaya kita akan menemukan yang Maha Pencipta dan kita akan kehilangan seluruh perhatian terhadap wujud nafsu diri kita. Sebagaimana tidak dapat dibayangkan oleh akal kalian bagaimana seseorang akan kehilangan perhatian terhadap alam kewujudan sedangkan dia masih belum kehilangan perhatian terhadap dirinya sendiri. Sumpah demi ALLAH, perkara itu takkan berlaku sama sekali. وَالسَّلَامُ.

Risalah Kelima

Adab meminta, pakaian *muraqqa'ah*, hakikat dua perkara ini dan jalan kaum Sufi رَضِيَ اللهُ عَنهُم

5 - *Su'āl* (meminta/mengemis) dan memakai pakaian *muraqqa`ah* kedua-duanya adalah bahagian dari jalan kaum ini رَضِيَ اللهُ عَنهُم. Namun kami melihat ramai daripada mereka yang *şuhbah* dengan kami

di zaman ini tidak zikir mengingati ALLAH Taala sebagaimana mereka mengingati kedua perkara tadi. Hal ini kerana sebahagian mereka mengambil daripadaku wirid kemudian bersegera memakai *muraqqa`ah* ; dia melakukan itu kerana ingin segera mengemis, dan itulah yang menjadi tujuan awalnya. Untuk mencapai tujuan itulah dia mengambil wirid dari kami dan memakai *muraqqa`ah*.

Ketika aku melihatnya melakukan apa yang dilakukannya itu, aku pun berkata kepadanya :

> "Tinggalkanlah *muraqqa`ah* kerana sesungguhnya ia menjadi kemasyhuran bagimu. Sebaliknya hendaklah engkau berzikir kepada Tuhanmu dalam keadaanmu sekarang sehingga pelitamu

menyala dan kekuatan nuranimu bertambah. Ketika itu apabila engkau memakai *muraqqa`ah* dan meminta merata-rata maka perkara itu tidak akan memudaratkanmu".

Tidak diragukan bahawa meminta dan memakai *muraqqa`ah* kedua-duanya terasa berat bagi nafsu untuk melakukannya dan keduanya juga terasa ringan baginya. Bagi sesiapa yang mendapati kedua-duanya terasa ringan baginya, maka hendaklah dia meninggalkan kedua-duanya. Dan sesiapa yang mendapati kedua-duanya berat baginya, maka hendaklah dia mengambilnya. Namun janganlah dia mengambil arah yang terasa ringan. Kerana keikhlasan terdapat pada perkara yang berat. Dan ikhlas itulah keperluan yang sebenar.

Atau (apabila kedua-duanya terasa ringan) janganlah dia mengambil arah yang keikhlasannya lebih sedikit, bahkan hendaklah dia mengambil arah yang keikhlasannya lebih banyak. Demikianlah sehingga perkara yang ringan dan yang berat menjadi sama baginya, yang dipuji dan yang dicela menjadi sama baginya, dan keikhlasan hadir dalam semua keadaannya. Ketika itulah dia menjadi seorang yang merdeka. Dan sesiapa yang merdeka maka -sumpah demi ALLAH- dia adalah seorang wali.

Aku telah menilik kepada orang yang meninggalkan segala keterikatan kecuali meminta -sedangkan meminta itu ialah sebab yang paling lemah-, namun dia belum merasai apa yang dirasai oleh orang yang benar-benar meninggalkan segala keterikatan, dan dia belum mencium

sedikit pun baunya. Maka tersingkap kepadaku bahawa hal itu adalah kerana senangnya dia kepada selera nafsunya sendiri, iaitu apa yang diberikan kepadanya. Kalaulah dia benar-benar membebaskan diri daripadanya, nescaya cahaya rohaninya akan kuat, sisi negatif dari kemanusiaannya akan lemah, dan dia akan merasai apa yang telah dirasai oleh para *rijāl* رَضِيَ اللهُ عَنهُم.

Sidi Al-Junaid pernah menulis kepada seorang saudaranya :

> "Sesiapa yang menunjuk kepada ALLAH tetapi bersandar kepada selain-NYA nescaya ALLAH akan mengujinya, ALLAH akan menghalang zikirNYA daripada hatinya dan menjadikan zikir hanya berjalan pada lidahnya.

Jika dia sedar lalu memutuskan pergantungan daripada apa yang dia sandari dan kembali kepada ALLAH yang dia tunjukkan, nescaya ALLAH akan menyingkap daripadanya segala ujian dan kesusahan yang menimpanya".

Dan janganlah terlintas dalam akal kalian bahawa ada seorang faqir yang tidak bergantung kepada suatu apa pun daripada segala sesuatu, namun dia masih tidak berada dalam hadrat ALLAH. Kerana sesungguhnya sesiapa yang hemahnya tinggi melampaui *akwān* (alam kewujudan dan segala isinya) nescaya dia akan sampai kepada Yang Maha Mewujudkannya. Dan sampai kepada-NYA ialah sampai kepada ilmu mengenal-NYA.

Maka berangkatlah dengan tekad meninggalkan segala sesuatu yang engkau bersandar kepadanya -tak kira apa sahaja ia-. Dan janganlah engkau bersandar kepadanya sama sekali. Sungguh rugilah orang yang meredhoi selain-MU sebagai pengganti. Dan sungguh merugilah siapa yang mencari perpindahan daripada-MU kepada selain-MU.

لِكُلِّ شَيءٍ إِن فَارَقتَهُ عِوَضُ
وَلَيسَ لِلّٰهِ إِن فَارَقتَ مِن عِوَضِ
وَقُل لَيسَ لِي فِي غَيرِ ذَاتِكَ مَطلَبُ
فَلَا صُورَةٌ تُجلَى وَلَا طَرفَةٌ تُجتَنَى

Tiap sesuatu yang engkau tinggalkan,
pasti akan ada gantinya.
Namun takkan ada ganti bagi ALLAH
jika engkau meninggalkan-NYA.
Katakanlah : Tiada bagiku tujuan

selain Zat-MU.
Tanpa-MU
tiada gambaran yang dapat disaksikan,
dan tiada pandangan sekilas
yang dapat dinikmati.

Amat jauh bezanya antara orang yang cita-citanya ialah bidadari dan mahligai syurga, dengan orang yang cita-citanya ialah terangkatnya segala hijab dan kekalnya hadirnya bersama ALLAH. Sebagaimana yang dikatakan oleh wali ALLAH Taala Sidi Abu Madyan رَضِيَ اللهُ عَنهُ :

"Hendaklah kalian benar-benar waspada dari kemasyhuran. Kerana dalam meninggalkan perhatian kepada zahir dan batin terdapat manfaat-manfaat yang menyalahi kebiasaan. Dan kami tidak melihat melainkan orang yang benar-benar menunaikan kedua-duanya secara berterusan dan selama-lamanya". وَالسَّلَامُ.

Risalah Keenam

Gesaan untuk mematikan nafsu dan menyibukkan diri dengan yang Maha Pencipta, bukan dengan makhluk, agar sampai kepada ALLAH dan makrifat-NYA

6 - Ketahuilah -semoga ALLAH merahmati kalian- bahawa aku pernah bersama saudaraku di jalan ALLAH, seorang wali yang soleh lagi titihan Saiyidina Hasan, Sidi Ahmad At-Thohir رَحِمَهُ اللهُ, di Masjid Al-Qarawiyyin -semoga ia dimakmurkan ALLAH-. Pada ketika itu, kami berdua berada dalam keadaan *syuhud* yang kuat. Tiba-tiba keadaan beliau menjadi kendur -atau kami katakan : melemah- sehingga beliau mula berbicara dalam perkara-perkara yang tidak bermanfaat seperti kebanyakan manusia. Maka aku berkata kepadanya dengan keras dan amarah :

إِن شِئتَ أَن تَربَحَ فَاضرِب وَاطرَح

"Jika kau ingin beroleh untung, maka pukullah (nafsu liarmu) dan campakkanlah!".

Dan aku juga berkata kepada sebahagian saudara kita :

> "Tidakkah dia mengkhabariku bahawa dia telah memukul seorang Yahudi -semoga ALLAH melaknatnya- tanpa sebab, bahkan dia melakukan itu hanya kerana kagum terhadap diri sendiri dan zalim?! Jangan kau pukul Yahudi, jangan Nasrani dan jangan Muslim. Namun pukul-lah (nafsu) dirimu sendiri. Dan teruskanlah memukulnya sehingga ia mati. Itu mesti engkau lakukan dan tak boleh tidak".

Dan kepada kalian wahai saudara-saudaraku, demikianlah juga. Tinggalkanlah apa saja perbualan yang sia-sia, kerana ia termasuk antara sebesar-besar bala. Ia tidak sesuai dengan kedudukan kalian lagi tidak selaras dengan keadaan kalian. Janganlah kalian menyebut manusia melainkan dengan kebaikan. Kerana *"Sesungguhnya tidaklah bersyukur kepada ALLAH sesiapa yang tak bersyukur kepada manusia"*, sebagaimana sabda Baginda عَلَيهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ.

Dan kami melihat -ALLAH dan Rasul-NYA jua yang lebih mengetahui- bahawa sesiapa yang tidak menyaksikan (hakikat) manusia, yakni telah ghaib daripada menyaksikan hakikat mereka, maka dia belum menyaksikan ALLAH dengan penyaksian yang sempurna. Kerana insan sempurna ialah orang yang tidak terhijab

oleh makhluk daripada Al-Khaliq, dan tidak pula terhijab oleh Al-Khaliq daripada makhluk. Dia tak terhijab oleh *farq* (perbezaan) daripada *jam'* (penyatuan), dan tidak pula oleh *jam'* daripada *farq*. Dia tak terhijab oleh *atsar* (kesan) daripada Al-Mu'attsir (yang Maha Memberi Kesan), dan tidak pula oleh Al-Mu'attsir daripada *atsar*. Dia tak terhijab oleh syariat daripada hakikat, dan tidak pula oleh hakikat daripada syariat. Dia tak terhijab oleh *suluk* (jalan tarbiah) daripada *jadzb* (tarikan), dan tidak pula oleh *jadzb* daripada *suluk*. Dan begitulah seterusnya.

Maka inilah insan yang *waşil* (telah sampai), inilah insan yang *kāmil* (sempurna), inilah insan yang *`ārif* (mengenal ALLAH) ... وَالسَّلَامُ.

Risalah Ketujuh

Gesaan menyibukkan diri hanya dengan ALLAH, bukan dengan yang selain-NYA

7 - Maka sibukkanlah diri kalian dengan apa yang telah diperintahkan oleh Tuhan. Dan janganlah mempedulikan sesiapa yang berusaha menyakiti kalian, sama ada dia daripada kalanganmu atau pihak lain. Kerana apabila kalian tidak membela diri sendiri, maka ALLAH Taala yang akan membela kalian dan DIA akan menangani urusan kalian. Sebaliknya apabila kalian membela diri dan mengambil alih urusannya sendiri, ALLAH سُبحَانَهُ وَتَعَالَى akan menyerahkan kalian kepada nafsu diri kalian dan kalian tidak akan mampu melakukan suatu apa pun

﴿وَاللهُ عَلَى كُلِّ شَيءٍ قَدِيرٌ﴾

“dan ALLAH Maha Berkuasa atas segala sesuatu”.

Syeikh yang mulia lagi wali ALLAH Taala Sidi Qasim Al-Khassasi رَضِيَ اللهُ عَنهُ berkata :

> “Jangan sekali-kali engkau sibuk dengan orang yang menyakitimu. Sibukkanlah dirimu dengan ALLAH, nescaya DIA akan menangkis orang itu daripadamu. Kerana sesungguhnya DIA-lah yang menggerakkannya terhadapmu untuk menguji dakwaanmu tentang kejujuran”.

Ramai manusia telah tersalah dalam perkara ini ; mereka sibuk membalas kesakitan orang yang menyakiti mereka. Maka berterusanlah kesakitan itu bersama

dosa yang mereka tanggung. Kalaulah mereka kembali kepada ALLAH, nescaya ALLAH akan menjauhkan mereka yang menyakiti itu darinya dan DIA akan membelanya dari mereka. وَالسَّلَامُ.

Risalah Kelapan

Hati ini takkan hidup melainkan dengan kekosongannya daripada cinta dunia dan kematian nafsu

8 - Maka tetaplah kalian -semoga ALLAH merahmati kalian- di atas perkara yang mematikan nafsu dan menghidupkan hati. Asal segala kebaikan -dari sudut hakikatnya- ialah kosongnya hati daripada kecintaan kepada dunia. Sebagaimana asal segala keburukan -dari sudut hakikatnya- ialah penuhnya hati dengan cinta dunia. Kerana orang yang mendatangi dunia dengan sepenuh hati dan seluruh anggotanya adalah orang fasik besar lagi

zalim besar. Orang ini kalaulah bukan kerana iman sudah menetap di dalam hatinya nescaya kami hukumkan dia sebagai kufur.

Maka tetaplah kalian -semoga ALLAH merahmati kalian- di atas perkara yang mematikan nafsu dan menghidupkan hati seperti yang kami katakan. Kerana tiada *wuşul* bagi kita kepada hadrat Tuhan kita melainkan dengan matinya nafsu kita -tidak kira walau berapa banyak ilmu yang kita punya-. Sebagaimana yang dikatakan oleh Syeikh yang mulia lagi wali ALLAH Taala Sidi Abu Madyan رَضِيَ اللهُ عَنهُ :

مَن لَمْ يَمُتْ لَمْ يَرَ الحَقَّ

"Sesiapa yang belum mati, dia tidak akan melihat Al-Haqq".

Ada kalangan ikhwan mengadu kepada kami tentang seorang zalim yang semakin kuat menindasnya. Maka kami berkata kepadanya : “Jika engkau ingin membunuh orang yang menzalimimu, maka bunuhlah nafsu dirimu sendiri. Kerana dengan membunuhnya, engkau akan membunuh semua orang yang zalim”. Dan laknat ALLAH ke atas mereka yang mendustakan hakikat ini.

Kemudian kami katakan kepada sebahagian mereka رَضِيَ اللهُ عَنهُم :

> “Segala kehinaan daripada segala kehinaan ialah apabila terzahir kepadamu gambaran nafsu dirimu, kemudian engkau tidak membersihkan rumahnya dan tidak menghapuskan kesannya”.

Maksudnya ialah dengan sentiasa membebankan nafsu itu dengan perkara-perkara yang berat baginya sehingga ia mati. Kerana pada kematiannya terdapat kehidupan hati. Sebagaimana yang dikatakan oleh kalangan masyaikh :

مَا حَيَاةُ القَلبِ إِلَّا فِي إِمَاتَةِ النَّفسِ

"Tiada kehidupan bagi hati melainkan dengan mematikan nafsu",

dan kalangan mereka berkata lagi :

المَحَبَّةُ عَرُوسٌ وَمَهرُهَا النُّفُوسُ ❊ مَا تَحيَا القُلُوبُ إِلَّا بِمَوتِ النُّفُوسِ ❊

"Cinta itu pengantin, dan maharnya ialah nafsu. Tidaklah hati hidup melainkan dengan kematian nafsu",

dan juga selain itu.

Kami juga berkata kepada seorang ikhwan yang datang memberitahu bahawa dia -dengan sombong, zalim dan melampau- telah memukul seorang Yahudi -semoga laknat ALLAH keatasnya-: "Jangan engkau memukul seorang Yahudi, jangan Nasrani dan jangan selain mereka. Jika engkau benar-benar mesti memukul, maka pukul-lah nafsu dirimu sendiri. Teruskanlah memukulnya sehingga engkau membunuhnya. Dan jangan engkau membiarkan ia terus hidup".

Begitulah kami menghendaki hal kalian wahai saudara-saudaraku. Kerana segala kecacatan terdapat pada seorang faqir yang nafsunya hidup. Adapun faqir yang nafsunya mati, maka dia selamat daripada segala kecacatan. Dia sentiasa *musyāhadah* segala yang ghaib. Dia adalah

penghulu sekalian manusia walaupun mereka enggan. Dan ALLAH Taala jua yang telah memberinya kurnia.

Kami menegaskan kepada kalian dengan penegasan yang pasti agar kalian sentiasa berada dalam keadaan bersih, *maskanah* (merasa miskin kepada ALLAH) dan *qanā`ah* (merasa cukup dengan apa yang ada) senantiasa selama-lamanya. Dan seseorang itu tidak akan benar-benar memiliki sifat miskin kepada ALLAH melainkan apabila dia telah membunuh nafsunya dan mengenal Tuhannya. Adapun selain itu, maka tidak.

Berhimpun kerana ALLAH akan membawa kepada ALLAH. Dan berhimpun kerana selain ALLAH akan membawa kepada selain ALLAH. Kami berlindung kepada ALLAH daripada

adanya bersama ALLAH sesuatu selain ALLAH.

كَانَ اللهُ وَلَا شَيءَ مَعَهُ ❊ وَهُوَ الآنَ عَلَى مَا عَلَيهِ كَانَ ❊

"ALLAH telah sedia ada sejak tiada sesuatu pun bersama-NYA. Dan DIA sekarang tetap sebagaimana DIA dahulu". وَالسَّلَامُ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحبِهِ وَسَلَّمْ تَسلِيمًا كَثِيرًا ❊ سُبحَانَ رَبِّكَ رَبِّ العِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ❊ وَسَلَامٌ عَلَى المُرسَلِينَ ❊ وَالحَمدُ لِلهِ رَبِّ العَالَمِين ❊